



HIDUP INI KERAS, HIDUP INI MAHAL. KALAU LEMBUT AKAN RAPUH, ANDAI MURAH TAK DIHARGAI...

Oleh: Afiza Kamarulzaman

Kata Soren Kierkegaard, *“Life is not a problem to be solved, but a reality to be experienced.”*

Kehidupan ini bukan satu masalah yang harus diselesaikan tapi perjalanan nyata yang harus ditempuhi walau apa jua bentuk laluan dan destinasiya. Jika kita menganggap hidup ini satu masalah yang harus ada penyelesaian, maka sepanjang masa kita akan dirundung resah gelisah. Sebaliknya, andai kita terima hari-hari di depan itu sebagai satu perjalanan, ia pasti satu kembara yang menyeronokkan.

Setiap hari, bertukar babak. Setiap babak berbeza plotnya. Ada pelbagai rencah warna dan rencam cerita. Dan jalan cerita itu bergantung kepada kita untuk merangkanya. Bukankah itu satu pengalaman yang mengujakan? Keterujaan itu akan hanya berlaku jika itulah yang kamu fikirkan dan nilaikan dalam kehidupan ini. Kebahagiaan itu subjektif mengikut definisi setiap orang, kan? Jadi berbahagialah mengikut apa saja yang kamu tafsirkan.

Baru-baru ini saya terbaca beberapa status yang dimuatnaik oleh teman media sosial saya ini. Saya tidak pernah bertemuinya, hanya di Facebook kami mengikat tali persahabatan, itu pun jarang-jarang sekali bertegur sapa di alam maya. Mungkin dia ada membaca status saya tapi dibiarkan berlalu, begitu juga yang saya lakukan. Membaca dan hanya hadam di dalam hati sahaja.

Kisah hidupnya sungguh tragis, seperti sebuah telenovela yang sarat cerita plot duka dan lara. Penuh darah sengsara, kekerasan takdir dan kebanjiran air mata.



Bermula perkongsiannya tentang pengesahan doktor bahawa dia menghidap kanser payudara tahap empat, hati saya dirundung sayu. Mujur ada suami dan seorang anak lelaki di sisi untuk memberi dorongan dan membantu urusan hariannya. Namun, jauh di sudut hati saya sangat yakin beliau seorang wanita yang kuat, walaupun tidak berapa kenal tapi saya yakin dengan kata hati saya.



Melihatkan wajahnya saja sudah cukup menggambarkan kekentalannya. Dan telahan saya itu ternyata benar apabila acapkali beliau berkongsi tentang bagaimana dia terus berjuang melawan sakitnya itu. Selagi ada masa terluang beliau akan habiskan bersama anak lelakinya melakukan aktiviti fizikal untuk meningkatkan kualiti gaya hidupnya. Makannya dijaga dan kongsinnya lagi, dia tidak mahu mengalah dengan penyakitnya itu walau ada kala datangnya sakit itu hanya Allah yang tahu.



Beberapa bulan selepas itu, saya terbaca satu lagi status yang ditulisnya penuh nada emosi ketabahan dan sedikit lelahan. Anak lelaki yang menjadi dahan tempatnya berpaut selama ini pula diduga dengan stroke! Secara tiba-tiba dan tidak semena-mena. Allah... saya yang membaca pun sesak dada. Rintihnya sedih mengenangkan siapa yang akan menjaganya selepas ini? Siapa yang akan mengingatkan akan ubat dan makannya?



Beberapa kali juga beliau kongsi keadaan anaknya yang belum sedarkan diri sepanjang dirawat di hospital itu. Katanya, dalam kesakitan yang ditanggungnya itu, beliau gagahkan diri juga untuk melawat anaknya itu. Pernah sekali ketika di wad anaknya, doktor meminta beliau pergi membuat check up saat melihat wajahnya pucat tak bermaya. Dan seperti dijangka, doktor menahannya.

Dan... beberapa ketika kemudian, saya membaca statusnya yang anaknya sudah sedar. Alhamdulillah, lega saya membacanya. Tapi...

Beberapa hari kemudian, jantung saya bagaikan berhenti!

Allahuakbar! Saya terbaca satu lagi statusnya yang pedih. Suaminya dijemput Illahi, juga secara tiba-tiba. Innalillahwainalillahhirojiun....

Yang lebih membuatkan hati saya bagai kaca jatuh berderai apabila saat pengebumian suaminya itu, anaknya masih di hospital dan tidak dimaklumkan tentang berita pilu itu. Selesai urusan pengebumian, beliau melawat anaknya yang masih lemah. Pertanyaan pertama anaknya itu, “Mana Ayah?” Jawab beliau, “Ayah tak dapat datang.”

Tapi, anaknya tersenyum dan berkata, “Ayah kan kat belakang Mak tu...”

Allahu... saya tidak dapat membayangkan jika saya di tempat beliau. Adakah saya sekuat beliau untuk menerima semua kekerasan takdir ini dengan hati lapang? Adakah saya masih mampu membait kata-kata di status media sosial saya? Adakah saya mampu lalui hari-hari ini dengan membaca setiap komen ucapan takziah teman-teman yang turut berdukacita?



Entah, saya tidak pasti. Yang pasti, saya percaya Allah menguji hambaNya kena pada kekuatan yang dibekalkannya. Allah tidak zalim. Allah Maha Penyayang. Dia sayangkan umatNya, mana mungkin Dia sanggup membiarkan umatNya derita selama-lamanya? Kalaupun tiada kebahagiaan di sini, pasti ada balasan teragung yang menanti di alam sana.

Mungkin inilah yang menjadi pegangan beliau sehingga beliau masih mampu berdiri dan berlari dalam perjalanan menuju destinasi hidupnya. Sungguh, hanya yang benar-benar




kental mampu melaluinya. Dugaan kehilangan insan yang kita sayang bukan ujian biasa-biasa. Ia merobek hati dan jiwa. Rindu yang tiada kesudahan, sakit yang tiada penawar.



Dan, ini hanya secebis kisah daripada lautan cerita manusia di luar sana. Di setiap sudut di muka bumi ini, ada terselit manusia yang sedang menangis, merintih, meraung, meratap mengenang nasib diri dan hukuman takdirnya. Inilah yang dikatakan hidup yang keras. Dan ia punya nilai yang mahal.

Bayangkan jika hidup ini lembut, pastilah kita juga akan rapuh dan jika harganya murah siapa pula yang mahu menghargainya? Sekeras mana pun ujian yang ditimpakan kepada kita, berdamailah dengan takdir. Dan andai hidup ini dirasakan mahal, berpadalah dalam menikmatinya.

InsyAllah apa yang kita semai di sini, hasilnya akan kita tuai di sana nanti. Benih yang baik, pasti memberikan hasil yang menarik. Mudah-mudahan... 



**SEKERAS
MANA PUN
UJIAN YANG
DITIMPAKAN
KEPADA KITA,
BERDAMAILAH
DENGAN
TAKDIR.**